

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. KO CHUNG SEN
(KAMPAR)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa Kerajaan memotong perbelanjaan tahun ini tatkala harga minyak semasa yang rendah padahal harga minyak yang tinggi pada tahun lepas digunakan sebagai alasan untuk mengurangkan subsidi minyak yang sedia ada.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berikutan kejatuhan harga minyak mentah dunia yang merundum mulai suku tahun terakhir 2014 yang lepas, Kerajaan perlu melaksanakan

langkah rasionalisasi perbelanjaan disebabkan oleh perkara-perkara berikut:

- i. Kerajaan perlu menyemak semula andaian asas harga purata minyak mentah Brent bagi tahun 2015 daripada USD100 setong semasa pembentangan Bajet 2015 kepada USD55 setong. Berdasarkan harga disemak ini, hasil Kerajaan Persekutuan dianggarkan berkurang sebanyak RM13.8 bilion berbanding anggaran asal Bajet 2015; dan
- ii. Penjimatan daripada subsidi minyak berikutan pelaksanaan sistem pengapungan secara terkawal (*managed float*) bagi harga runcit RON95 dan Diesel mulai Disember 2014 tidak dapat menampung kekurangan hasil tersebut.

Keadaan ini telah memaksa Kerajaan untuk mengunjurkan semula sasaran paras defisit fiskal pada tahun 2015 daripada 3.0% kepada 3.2% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Untuk itu, Kerajaan perlu melaksanakan langkah rasionalisasi perbelanjaan mengurus yang dijangka akan memberi penjimatan sebanyak RM5.5 bilion pada tahun semasa dan

seterusnya melaksanakan langkah peningkatan hasil yang dijangka sebanyak RM1.4 bilion.